



قجابه ستيأوسها كراجان نكري كلنتن

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957  
Pengaruh : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
: 747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)620/6 (44)

Bertarik : 10 Jamadilakhir 1443H

13 Januari 2022

Kemajlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan,

**PERKHIDMATAN KAUNTER MYPESARA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

Dengan hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mewujudkan perkhidmatan Kaunter MyPesara di setiap Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) yang mana bertujuan:-

- 2.1 Diwujudkan bagi memastikan kebajikan pesara kerajaan sentiasa terjaga di samping meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada;
- 2.2 Memudahkan pesara kerajaan mendapatkan khidmat nasihat dan panduan berhubung hal ehwal persaraan; dan
- 2.3 Merupakan medium untuk berurusan dengan pihak JPA bagi mendapatkan cetakan penyata pencen, cetakan surat kelulusan faedah persaraan, semakan status persaraan dan sebagainya.

3. Sehubungan dengan itu, **perkhidmatan Kaunter MyPesara Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan telah beroperasi sepenuhnya di Pusat Khidmat Pelanggan Kota Darulnaim berkuat kuasa mulai 19 Disember 2021**. Sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan Kaunter MyPesara Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pihak YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan boleh menghubungi perkhidmatan Kaunter MyPesara di **talian 09-7481957 sambungan 2144**.

4. Kerjasama dan tindakan YBhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan / Puan untuk membuat hebahan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan/ Agensi masing-masing amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI NORAZMAN BIN ABD GHANI, D.P.S.K (Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Bahagian Pasca Perkhidmatan (Pencen)  
Blok C1-C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA.**
- Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Bahagian Kelantan  
Bangunan Sapura, Jalan Sultanah Zainab  
**15050 Kota Bharu**  
Kelantan